

02 APR 1997

PENERBANGAN MALAYSIA DEDIKASIKAN ULANGTAHUN KE-50 KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Penerbangan Malaysia mendedikasikan ulang tahunnya yang ke 50 khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata pengerusi eksekutifnya, Tan Sri Tajudin Ramli di sini malam ini.

Dalam ucapannya di majlis makan malam sempena perayaan ulang tahun itu, beliau berkata perayaan itu barangkali tidak mungkin dirayakan tanpa sokongan kukuh yang sentiasa diberikan oleh Dr Mahathir.

Namun begitu, Penerbangan Malaysia tidak melupakan segala pengorbanan dan sumbangan yang telah diberikan oleh ramai kakitangan dan bukan kakitangan syarikat itu pada masa yang lalu.

Tajudin juga berkata pegawai-pegawai dan kakitangan Penerbangan Malaysia telah berikrar untuk menjelmakan penghargaan dan terima kasih itu dengan terus berusaha memperkukuhkan dan mempertingkatkan pencapaian Penerbangan Malaysia dan meningkatkan martabat dan maruah bangsa dan negara. -- BERNAMA

MK MA